

Soalan No:48

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY
[KOTA KINABALU]**

TARIKH : 29.11.2017

SOALAN :

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan apakah jenis-jenis rancangan naik taraf semua jenis sekolah di Sabah. Berapakah peruntukan dan jumlah wang telah dibelanjakan mengikut projek di Sabah pada tahun ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Secara keseluruhannya sebanyak 190 projek naik taraf sekolah sedang dilaksanakan di negeri Sabah. Projek-projek ini merupakan projek-projek yang telah diluluskan pelaksanaannya semenjak RMKe-10 (Tahun 2006-2010) dan RMKe-11 (Tahun 2016-2017) dan disambung pembinaannya dalam RMKe-11 yang meliputi butiran projek seperti berikut:

- i. Asrama
- ii. Bantuan Modal
- iii. Menengah Akademik
- iv. Rendah Akademik
- v. Pembelian Tanah Pendidikan

- 97
- vi. Institut Pendidikan Guru
 - vii. Pendidikan Prasekolah
 - viii. Pendidikan Teknik dan Vokasional
 - ix. Program Pembangunan Luar Bandar Sabah & Sarawak
 - x. Program Pembangunan Sukan
 - xi. Sekolah Sukan
 - xii. Sistem Pengkomputeran Sekolah
 - xiii. Ubahsuai Naiktaraf Sokongan Pendidikan

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kos keseluruhan bagi projek-projek yang disenaraikan adalah sebanyak RM3.79 billion.

RJM94